

## Had tertinggi perbelanjaan pembangunan ditambah

### RM160b

UM 31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Kerajaan bercadang untuk menambah lagi had tertinggi (ceiling) perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) sebanyak RM50 bilion kepada RM160 bilion, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Penambahan ini bermakna dalam tempoh dua tahun lagi, purata perbelanjaan pembangunan berjumlah RM25.4 bilion menyamai purata paras perbelanjaan pembangunan tahunan sebelum ekonomi negara dilanda kelembapan, kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian pada pembentangan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Parlimen hari ini.

Beliau berkata, penambahan dibuat kerana hasil tindakan dasar fiskal yang mengembang, 99.3 peratus daripada had tertinggi asal perbelanjaan pembangunan RMK-8 sebanyak RM110 bilion akan habis dibelanjakan menjelang akhir tahun ini.

### Membendung

“Dalam tempoh tiga tahun pertama RMK-8, kerajaan terpaksa mengambil langkah kitar balas untuk membendung kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan kelemba-

pan aktiviti sektor swasta,” jelas Dr. Mahathir ketika mengulas kenapa tindakan fiskal diambil.

Daripada jumlah peruntukan yang dipinda sebanyak RM160 bilion, kata beliau lebih 80 peratus untuk sektor ekonomi dan sosial.

“Sebahagian besar daripada peruntukan sektor ekonomi adalah untuk pembangunan infrastruktur dan utiliti.”

Katanya, pendidikan dan latihan akan menerima peruntukan tertinggi sebanyak lebih 25 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan, sektor kesihatan 5.9 peratus, perumahan 3.9 peratus, dan pihak berkuasa tempatan dan perkhidmatan kebajikan 5.0 peratus.

Beliau berkata, dalam tempoh kajian semula defisit fiskal telah dikekalkan pada tahap 5.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

“Kita bernasib baik kerana keadaan kewangan negara membolehkan penggunaan pendekatan fiskal yang proaktif untuk mengurangkan kesan buruk dari pengembangan luar negara.

“Ini adalah kerana penguurusan kewangan kita yang kukuh dan berhemat di masa lalu.” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan akan terus mengekalkan defisit dan hutang di paras yang tidak membebankan dan defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 1.8 peratus daripada KDNK pada tempoh akhir rancangan.